

10/06/2002

Antara Anita Sarawak, Jalani Sidek dan Nia Zulkarnaen

SEMALAM, ketika artikel ini ditulis, saya masih lagi berada di Orchard Road, Singapura. Bukan kerana hendak menyerbu jualan murah besar-besaran yang sedang meledak di sini tetapi kerana menghadiri satu majlis eksklusif yang dihoskan superstar terkemuka, Anita Sarawak.

Ia berlangsung malam kelmarin, di Hotel Royal Plaza On The Scotts (dulu Holiday Inn) yang khabarnya sudah diambil oleh kerabat diraja Brunei Darussalam.

Saya tidak ingin menceritakan panjang lebar mengenai majlis itu buat masa ini kerana ia akan dipaparkan secara eksklusif dalam Bintang Popular, terbitan akan datang. Namun apa yang dapat dikatakan, majlis itu amat bermakna buat Anita kerana buat pertama kali meraikan ulang tahun hari jadi suaminya, Mohd Mahathir Abdullah serta seorang kenalan rapat, Mohd Yusof Ismail, produser terkemuka di Singapura.

Buat seketika, semua tetamu terasa seperti di Vegas. Malah Anita sendiri mengakui Royal Wing - tempat majlis itu diadakan - tidak ubah seperti rumahnya di Amerika Syarikat. Jadi kalau ingin mengetahui cerita lebih lanjut mengenai majlis istimewa itu, peminat setia Anita jangan lupa bersama akhbar sisipan, Bintang Popular, minggu depan.

Baiklah, pagi tadi (Ahad), sempat juga saya membelek halaman beberapa akhbar di Singapura. Antaranya, The New Paper dan Berita Minggu (BM). Tidak banyak berita hiburan yang dimuatkan namun tabloid The New Paper dalam halaman beritanya memuatkan laporan satu muka penuh mengenai kes bekas jaguh badminton negara, Jalani Sidek yang diisytiharkan bangkrap akibat beban hutang dengan United Merchant Finance Berhad yang dilaporkan berjumlah RM1.6 juta.

Berita itu tidak panjang lebar tetapi turut memuatkan gambar gambar Jalani dan isterinya, produser Raja Azmi Raja Sulaiman bersama kereta mewah mereka berwarna kuning (sedondon pula dengan baju Raja Azmi).

Laporan itu turut menyatakan Jalani memang terkenal dengan hobi memandu kereta dan motosikal mewah. Kata penulis itu lagi, di sebalik kes terbabit, cita rasa Jalani terhadap hobinya itu tidak berubah.

Dalam Berita Minggu pula, saya tersentuh pula dengan berita kematian suami pelakon jelita Indonesia, Nia Zulkarnaen, pada 25 Mei lalu. Suami Nia, Allahyarham Ahmad Iskandar Zulkarnaen, 39, meninggal dunia dalam kemalangan di litar pecut. Ramai peminat Nia tahu, dia bersuamikan seorang jaguh pecut yang terkenal di Jakarta.

Memetik laporan yang ditulis wartawan Hasleen Bachik itu, ia menyebut Nia, 32, yang juga anak seniman Dicky Zulkarnaen dan Mike Widjaya, bernikah dengan Ahmad, kira-kira empat tahun lalu. Nyata Mei lalu bukan saja bulan ulang tahun majlis perkahwinan mereka (19 Mei) tetapi juga menyimpan kenangan paling memilukan buat Nia.

Dalam perbualan dengan Hasleen menerusi telefon, Nia menceritakan, pada 25 Mei itu, suaminya menjalani latihan lumba kereta di Jakarta dan dia pula terpaksa terbang ke Singapura bagi menjalani rawatan pemeriksaan cyst (takungan cecair dan darah dalam ovarinya).

Apa yang menyedihkan, sejurus selepas pesawat Nia mendarat di lapangan terbang Changi, Singapura, dia menerima berita buruk mengenai tragedi menyayat hati itu.

"Ketika itu saya baru masuk teksi (di Changi). Telefon saya berdering. Saya fikir suami saya yang hubungi kerana memang biasa dia telefon selepas pesawat mendarat.

"Tapi tahu-tahunya itu teman suami saya bernama Tony. Dia beritahu yang suami saya kemalangan dan bila saya tanya kondisinya, dia tidak berani mahu bercakap.

"Hati saya terus jadi tidak enak. Saya sudah tidak mampu berfikir lagi... Apabila saya hubungi handphone suami, Tony masih menjawab. Dia meminta saya tenang dan tabah. Waktu itu saya langsung ucap Innalillah...

"Terus saya minta pemandu teksi kembalikan saya ke lapangan terbang. Saya mahu langsung pulang..." tambah Nia.

Begitulah dugaan hebat yang dihadapi oleh Nia. Saya bagi pihak semua kenalan dan peminat Nia di Malaysia, ingin mengucapkan takziah kepada Nia sekeluarga. Nyata perpisahan yang dilalui Nia dan suaminya itu amat tragis.

Sementara itu, hampir dua minggu lalu, ketika bersama keluarga di sebuah hotel di tengah-tengah Kuala Lumpur, saya sempat melihat kelibat Pengiran Bini Mazuin yang turut menginap bersama famili dirajanya di hotel itu.

Awalnya, apabila melihat kakitangan hotel menunggu di pintu masuk lobi hotel itu bersama jambangan bunga, saya menyangka wakil kenamaan mana yang singgah di KL. Tetapi selepas diberitahu oleh sumber di hotel itu bahawa ia adalah Pengiran Bini Mazuin, saya terus excited. Tapi hari itu mungkin tidak ada rezeki untuk menegur beliau. Namun yang jelas, Mazuin masih lagi cantik dan begitu murah dengan senyuman...

Kita jumpa lagi minggu depan!

(END)